


Newspaper	Berita Harian
Date	10 July 2015



**Najib hadir  
majlis tahlil  
dan bacaan  
Yasin,**  
Allahyarham  
Tan Sri  
Jamaluddin  
Jarjis  
di Masjid  
Negara,  
semalam.  
Yang turut  
hadir, anak  
lelaki  
Allahyarham,  
Ikhwan Hafiz  
(tengah) dan  
Ahli Parlimen  
Rompin,  
Datuk Hasan  
Arifin (kiri).  
(FOTO ASYRAF  
HAMZAH/BH)

BH- 10/7/2015

# Tunggu laporan penuh audit

» **Segala  
tohmahan,  
persoalan akan  
dijawab: PM**

Oleh Faridzwan  
Abdul Ghafar  
faridzwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, laporan penuh Ketua Audit Negara berhubung status kewangan dan operasi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan

menjawab segala persoalan dan tohmahan yang dilemparkan selama ini.

Berikutan itu, Perdana Menteri meminta rakyat menunggu Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, menyiapkan audit terhadap 1MDB dan kemudian menilai sendiri laporan berkenaan yang akan dibentangkan.

## Elak spekulasi

“Adakah benar wang berbilion ringgit lesap seperti yang didakwa sesetengah pihak ini? Kita tunggu laporan Ketua Audit Negara siap dan tengok sama ada ia betul atau tidak. Saya tidak mahu buat apa-apa pengumuman mengenainya.

“Biar Ketua Audit Negara yang beritahu. Kalau tidak betul, apa kita hendak buat pada orang yang cakap berbilion ringgit hilang ini?” katanya yang disambut sorakan gemuruh daripada kira-kira 2,000 jemaah ketika berucap di Masjid Salahuddin Al Ayyubi di Taman Melati, di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan pemimpin komuniti sekitar Taman Melati dan Wangsa Maju.

Perdana Menteri berharap orang ramai tidak membuat spekulasi berhubung isu 1MDB dan menilai terlebih da-

hulu segala maklumat yang diterima menerusi media sosial berhubung perkara itu.

## Tuduhan mengarut

Katanya, beliau mendapati terlalu banyak perkara yang boleh disifatkan sebagai mengarut dan tidak betul berlegar di ruang siber, susulan pelbagai tohmahan yang dilemparkan terhadap beliau dan pentadbiran negara berhubung 1MDB.

“Segala benda yang karut-marut dalam media sosial ini jangan dengar. Banyak sangat karut-marut dalam media sosial dan bukan semua benar. Kebenaran akan muncul juga pada akhirnya,” katanya.